





1. Cara Membuat IMO1 (MOL Nasi)

Di sini diberikan cara untuk membuat IMO1. Yang tertera di bawah ini adalah sebagai contoh untuk yang nak belajar. Elok juga dibuat beberapa buah bekas plastik berisi nasi kerana selalunya bukan semuanya menjadi. Ada yang dimakan tikus, dimasuki semut, atau basi. Cubalah sampai berjaya membuat IMO1 kerana selepas berjaya barulah dapat melangkah membuat IMO2. Bila sudah pandai dan hendak buat banyak, boleh lah guna bekas-bekas yang lebih lebar, tetapi tebal nasi tidak melebihi 5 cm. Tinggi bekas seeloknya kurang daripada 7 cm. Jangan guna kertas akhbar atau kertas yang ada dakwat untuk dijadikan penutup. Cari kertas putih (kertas majung).

	Gambar	Cara Membuat IMO1
1.		Tanak nasi dan tunggu sejuk. Masukkan nasi ke dalam bekas plastik. Jangan guna tangan untuk mengelakkan nasi jadi basi.
2.		Tutup bekas plastik dengan kertas putih dan ikat guna getah. Ini adalah untuk mengelakkan serangga masuk dan pengudaraan berlaku. Mikrob juga akan masuk melalui kertas.
3.		Tempatkan bekas tadi di bawah rumpun buluh. Boleh dibuat beberapa bekas nasi, dan diletakkan di beberapa lokasi buluh lain. Ini adalah untuk mencari mikrob yang paling cergas.

4.		<p>Kumpulkan daun-daun buluh yang kering dan letakkan ke atas bekas tadi.</p>
5.		<p>Tutup bekas tadi dengan lebih banyak daun buluh kering hingga bekas tidak lagi kelihatan.</p>
6.		<p>Untuk mengelakkan daripada dibasahi hujan, tutup dengan helaian plastik, atau apa-apa yang sesuai.</p>
7.		<p>Selepas dua hari, ambil bekas plastik dan buka tutup kertas. Jika anda nampak di atas nasi nampak seperti ada seperti kulat berwarna putih, maka anda telah berjaya membuat IMO1.</p> <p>Kadang-kadang ada juga sedikit kulat berwarna oren, hijau dan hitam. Asalkan yang berwarna putih ada banyak, sudah ok. Tetapi kalau yang hijau atau hitam banyak, buang saja dan buat baru.</p> <p>Jika nasinya basi (berair/berlendir), bermakna IMO1 tidak berjaya dibuat. Nasi basi dibuang sahaja, buat lagi hingga berjaya.</p>





2. Cara Membuat IMO2 (MOL Nasi)

Apabila anda telah mendapat IMO1 dengan jayanya, bolehlah terus membuat IMO2 seperti yang ditunjuk di bawah ini. Gula merah yang saya gunakan adalah jenis yang di import dari India.

IMO2 boleh digunakan sebagai bahan pereput untuk membuat kompos. Ia juga boleh disemur kepada jerami padi sebelum jerami dibajak masuk ke dalam tanah untuk meransang aktiviti pereputan jerami dalam tanah. IMO2 ini mengandungi bakteria *Bacillus subtilis* yang boleh mereputkan jerami dengan cepat. Selalunya, ia hanya memerlukan 3 minggu untuk mereputkan jerami dengan berkesan.

IMO2 boleh disimpan dalam bekas kedap udara. Jika dibiarkan dengan tutup kertas, selepas beberapa bulan ia akan menjadi kering. Cubalah membuat dan mengguna sendiri.

	Gambar	Cara Membuat IMO2
1.		Pilih IMO1 yang banyak kulat berwarna putih.
2.		Campurkan dengan gula merah dengan kadar 1 kg IMO1 dicampur dengan 1 kg gula merah. Jangan guna gula putih atau brown sugar yang buat biskut/kek.
3.		Masukkan IMO1 dan gula merah ke dalam bekas plastik dan gaul hingga sebati.

4.		<p>Ikatkan kertas putih seperti ini. Boleh ikat guna getah supaya serangga tak masuk dan pengudaraan berlaku. Simpan di tempat yang teduh seperti dalam almari atau setor selama 5 hari. Jangan terkena matahari.</p>
5.		<p>Selepas 5 hari, buka tutup kertas dan anda akan melihat IMO2 terjadi. Ia berwarna perang gelap dan melekit. Baunya seperti buah nenas yang terlebih matang/masak. Cebisan nasi masih boleh dilihat.</p>
6.		<p>IMO2 ini penuh dengan mikrob yang hidup dan berguna bagi kita.</p>
7.		<p>Simpan bekas IMO2, ditutup rapat dan diletakkan ditempat teduh dalam almari atau setor yang tidak terdedah kepada cahaya dan panas matahari. Pastikan anda menulis IMO2 dan tarikh dibuat dan lekatkan ke atas bekas plastik tersebut. Syabas, anda telah berjaya ,membuat IMO2.</p>

KOS PENGELUARAN PADI KONVENSIIONAL SEMUSIM/ LOT/ 1.2 HA

TESTIMONI EN RAZAK B. CHIK

SG LEMAN, SELANGOR

KOS BAHAN INPUT 1.2 ha (3 ekar) sawah mengguna Produk SRI & Kimia

			SRI	Kimia	SRI	Kimia
	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KUANTITI	NILAI (RM)	NILAI (RM)
a	Benih Padi/Menanam				1200.00	1200.00
b	Baja					
	i. Baja subsidi					
	ii. Baja 12;12;17:2	50 KG	2 BEG	8 BEG	360.00	1280.00
c	Racun Rumpai					
	i. Solito	1 liter	4 botol	4 botol	40.00	40.00
	ii. Gramoxone	4 liter	2 tong	2 tong	90.00	90.00
	iii. NU- Amine	1 liter	1 botol	1 botol	38.00	38.00
					168.00	168.00
d	Racun Serangga					
	Karate	1 liter	500 ML	1 botol	29.00	58.00
	Confidor	500 ml	200 ML	2 botol	80.00	400.00
	Match	1 liter	0	1 botol	0.00	85.00
	Regent	500	0	2 botol	0.00	196.00
	Armada	1 liter	0	1 botol	0.00	58.00
	previthon	500 ml	0	2 botol	0.00	360.00
					109.00	1157.00
e	Racun Kulat					
	Fujione	1 liter	0	1 botol	0.00	58.00
	Amore	1 liter	0	1 botol	0.00	80.00
	Sicore	1 liter	0	1 botol	0.00	150.00
	Dithane 45	1 kg	1 beg	1 beg	30.00	30.00
					30.00	318.00
f	Racun tikus					
	Check				10.00	10.00
g	BAJA SRI	1.5 liter	4 botol		140	
Jumlah Kos Bahan Input (tidak termasuk benih)					817.00	2933.00
JIMAT KOS						2116.00

Pengurusan Sawah Cara SRI oleh Encik Razak Chik, Sg Leman, Kedah (Musim 1/2011)

Encik Razak Chik telah mencuba produk SRI (11 jenis ramuan) ke atas tanaman padinya seluas 11 keping (33 ekar). Beliau telah dapat membuat penjimatan lebih daripada RM2000 bagi setiap keping. Beliau mengambil langkah seperti jadual di bawah.

Hari Lepas Tanam	Aktiviti Di Sawah	Jenis & Bilangan Input untuk 1.2 hek	Catatan
1	8.00 pagi - Sembur racun rumput. 10.00 pagi – Tanam padi menggunakan mesin transplanter	Solito	
3	Masukkan air ke sawah		
15	Taburkan baja subsidi	6 beg baja campuran + 3 beg urea	Baja subsidi kerajaan
18	Sembur produk SRI Anak	1.5 liter SRI Anak	
35	Taburkan baja subsidi	8 beg baja campuran + 2 beg urea	Baja subsidi kerajaan
38	Sembur produk SRI Bunga + air laut	1.5 liter SRI Bunga + 6 liter air laut	
55-60	Taburkan baja subsidi	8 beg baja buah	Baja subsidi kerajaan
75-80	Bila padi mula terbit – Sembur produk SRI Buah + air laut	1.5 liter SRI Buah + 6 liter air laut	
90	Sembur produk SRI Buah + air laut	1.5 liter SRI Buah + 6 liter air laut	